

Garis

- Elemen asas yang penting untuk melukis dan melakar. Garisan merupakan unsur seni yang utama.
- Unsur garisan terdapat pada sebarang bentuk lukisan atau contengan. Garisan menjadi unsur seni yang paling asas dalam kerja-kerja melukis. Setiap lukisan yang dihasilkan itu pastinya bermula dengan satu garisan.
- Garisan juga boleh dilukis dengan menggunakan pelbagai jenis alatan melukis. Antaranya pensel, pen, kapur, krayon dan lain-lain.



Definisi Garisan

- Satu kegiatan permulaan bagi menghasilkan tanda yang pertama iaitu bermula dengan satu titik. Kemudian proses seterusnya menggaris dan membentuk sehingga menjadi satu garisan.
- Garisan juga terhasil dari cantuman cantuman satu siri titik-titik yang bersambungan.
- Garisan juga boleh dianggap sebagai titik yang bergerak. Susunan titik yang berlanjutan itu juga dianggap sebagai satu garisan.

